



KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYA  
JABATAN KEBUDAYAAN  
DAN KESENIAN NEGARA

# SIARAN MEDIA

[www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my)

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil.20/2023

## JKKN SEMARAKKAN SENI BUDAYA KELANTAN KALI KE-6

**Tumpat, 23 September 2023** - Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) membawakan kembali Festival Kesenian Rakyat Kelate (FKRK) untuk kali ke-6 pada 21 hingga 23 September 2023 bertempat di Pantai Geting, Tumpat, Kelantan. Negeri Kelantan mempunyai potensi menjadi sebuah negeri tarikan pelancongan kerana kaya dengan seni budaya dan warisan tradisional yang unik dan autentik.

FKRK, yang dirasmikan oleh YAB Dato' Panglima Perang Dato' Haji Mohd Nassuruddin bin Haji Daud, Menteri Besar Kelantan, telah mendapat kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan dan Persatuan Seni Budaya Sri Gelam. YBrS. En. Mohd. Yusri bin Mohd. Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) dan YBrS. Encik Mohd Amran bin Mohd

Haris, Ketua Pengarah, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara turut hadir untuk memeriahkan FKRK ini.

Festival ini bertujuan mengetengahkan keunikan seni budaya warisan negeri Kelantan di samping dalam usaha menyemarakkan dan melestarikan nilai seni dan budaya di negeri Kelantan khususnya aktiviti-aktiviti seperti pertandingan tarian, pertandingan dikir barat, pertandingan memancing, pertandingan klongjau atau gendang siam, pertandingan sukan rakyat, pertandingan biri-biri *jangkok* dan macam-macam lagi.

Antara pengisian yang menarik ialah persembahan Pergendangan "Simfoni Kelate", Pertandingan Dikir Barat, Nyanyian Artis Kelantan, Persembahan Wayang Kulit dan Pementasan Makyong. Terdapat juga pertandingan memasak "Jeliro Kelantan Bersama Adabi", Pertandingan Memancing, Pertandingan Biri- Biri Jangkok, sukan rakyat dan larian sarung FKRK.

Festival ini juga telah diisi dengan pengisian ceramah agama dan persembahan Qasidah yang dikendalikan dengan kerjasama Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Kelantan manakala Pertandingan Suara Azan pula daripada Yayasan Islam Kelantan (YIK).

Selain Adabi Consumer Industries Sdn. Bhd., FKRR turut mendapat penajaan daripada F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd. dan Bank Simpanan Nasional (BSN) di samping beberapa agensi kerajaan, Badan Bukan Kerajaan dan NGO Seni Budaya bagi mengadakan pameran dan demonstrasi.

Sebelum itu, pertandingan Tarian Rampaian Melayu FKRR yang melibatkan sebanyak 15 buah sekolah telah dipertandingkan di Kompleks JKKN, Kelantan pada 10 September 2023 lalu dan majlis penyampaian hadiahnya adalah pada kemuncak program ini.

Untuk rekod, pada tahun 2022, seramai 55,841 pengunjung hadir ke Festival Kesenian Rakyat Kelate selama tiga (3) hari penganjuran dengan *Return On Investment* (ROI) pendapatan sebanyak RM164,363.86 dan peserta seramai 1,221 orang.

Layari laman web rasmi Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara [www.ikkn.gov.my](http://www.ikkn.gov.my) untuk maklumat organisasi dan maklumat-maklumat berkaitan seni budaya. Media Sosial JKKN Kelantan <https://facebook/ikknkelantan> dan Facebook Page <https://www.facebook.com/ikkn.kelantan/>

**-TAMAT-**

**Dikeluarkan Oleh:**

Unit Komunikasi Korporat  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara  
Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

**Laman Sesawang:** [www.jkkn.gov.my](http://www.jkkn.gov.my) **E-mel:** [ukk@jkkn.gov.my](mailto:ukk@jkkn.gov.my)

**Platform Media Sosial Rasmi JKKN:**

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan  
@mysenibudaya

Instagram, Twitter & YouTube: @mysenibudaya

**Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi**

Mazidah Binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN <a href="mailto:mazidah@jkkn.gov.my">mazidah@jkkn.gov.my</a> Tel: 03-2614 8200 / 012-952 2095	Nik Mohd Fadly Bin Nik Mat Penolong Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN <a href="mailto:nikfadly@jkkn.gov.my">nikfadly@jkkn.gov.my</a> Tel: 03-2614 8200 / 013-382 2115
--	---